

SEKOLAH MENENGAH PAY FONG
PEPERIKSAAN PENILAIAN UNTUK MEMASUKI TINGKATAN SATU
SESI PERSEKOLAHAN 2023
BAHASA MELAYU

Nama : JW
Angka Giliran:

Tarikh: 22 Oktober 2022

Masa : 12.20 tengah hari - 1.10 tengah hari

BAHAGIAN B SOALAN SUBJEKTIF (20%)

Arahan : Tulis jawapan anda pada kertas jawapan khas yang telah disediakan.

(A) Simpulan Bahasa (10%)

Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang paling sesuai.

1.	2.	3.	4.	5.
----	----	----	----	----

(B) Membina Ayat (10%)

Tulis satu ayat bagi setiap kata berimbuhan 'ber' di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

(1) berjalan -

(2) berbaju -

(3) bersarapan -

(4) berlari -

(5) berbau -

SEKOLAH MENENGAH PAY FONG
PEPERIKSAAN PENILAIAN UNTUK MEMASUKI TINGKATAN SATU
SESI PERSEKOLAHAN 2023
BAHASA MELAYU

Nama : _____
Angka Giliran: _____

Tarikh: 22 Oktober 2022

Masa : 12.20 tengah hari - 1.10 tengah hari

BAHAGIAN A SOALAN OBJEKTIF (80%)

Arahan : Kertas soalan ini terdiri daripada Bahagian A (Soalan Objektif) dan Bahagian B (Soalan Subjektif). Jawab Bahagian A pada kertas jawapan 'O' dengan pensel 2B/5B dan Bahagian B pada kertas jawapan khas yang disediakan.

SOALAN 1 HINGGA SOALAN 5

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Asrama Putera,
Sekolah Kebangsaan Bendang Siam,
34800 Changkat Jering,
Perak Darul Ridzuan.

17 Mac 2020.

Menemui sahabatku Fazri yang kini berada di Kota Bharu semoga sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera hendaknya.

Saudara,

Warkah saudara yang bertarikh 7 Mac 2020 telah selamat saya terima tiga hari kemudian. Saya memohon maaf kerana lewat membalas surat. Hal ini bukanlah disengajakan tetapi keadaan yang tidak mengizinkan.

Untuk pengetahuan saudara, saya baru sahaja selesai menyiapkan satu projek Sains di sekolah saya. Hasil daripada projek tersebut akan dipamerkan oleh pihak sekolah dalam Pameran Reka Cipta Sains Peringkat Kebangsaan di Pusat Sains Negara Kuala Lumpur.

Inilah pengalaman pertama saya mencipta satu projek Sains. Segala peralatan untuk projek tersebut telah disediakan oleh pihak sekolah. Guru mata pelajaran Sains saya telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada saya untuk membuat pelan rekaan. Rakan-rakan saya pula banyak membantu. Projek tersebut memakan masa selama dua minggu. Rekaan saya telah mendapat pujian para pengunjung yang melawat pameran tersebut. Walaupun tiada hadiah yang diberikan, kami berasa puas dan sangat berbangga.

Mengenai pelawaan untuk ke rumah saudara, tidaklah dapat saya tunaikan setakat ini. Walaupun saya berhajat untuk menyaksikan Pesta Pantai di Pantai Cahaya Bulan yang saudara ceritakan, hasrat ini masih belum kesampaian. Walau bagaimanapun, saya berjanji akan ke tempat saudara jika ada peluang pada suatu hari nanti. Saya ingin benar menyaksikan persembahan dikir barat, wau bulan, wayang kulit, dan permainan gasing secara lebih dekat lagi.

Akhir kata sambutlah salam mesra daripada saya untuk Fazri dan keluarga.

Sahabatmu,
Danish

1. Apakah maksud perkataan 'warkah' dalam petikan ?
A surat B sampul surat C kertas D nota

2. Semua pernyataan berikut **benar** tentang surat di atas, *kecuali*
A Fazri tinggal di Kota Bharu.
B Danish memenangi hadiah dalam pameran sains itu.
C Danish berjanji akan ke tempat sahabatnya jika ada peluang.
D Projek Sains Danish disiapkan dalam tempoh dua minggu.

3. Siapakah penulis surat di atas ?
A Seorang ahli Sains B kawan Fazri C Pereka D Penyewa asrama

4. Bilakah Danish menerima surat sahabatnya?
A 9 Mac 2020 B 10 Mac 2020 C 11 Mac 2020 D 12 Mac 2020

5. Apakah hajat Danish selama ini ?
A mengunjungi rumah panjang
B menyaksikan persembahan tarian
C menyaksikan Pesta Pantai di Pantai Cahaya Bulan
D melancong ke luar negara

SOALAN 6 HINGGA SOALAN 34

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling tepat.

6. Pemain-pemain bola sepak sekolah itu sedang meraikan kejayaan _____ dalam satu majlis baru-baru ini.
A kalian B mereka C beliau D baginda

7. “ _____ akan menghadap baginda sultan pada esok pagi,” kata Syahbandar kepada Bendahara.
A Beta B Tuanku C Hamba D Patik

8. _____, kamu mendapat untung yang banyak!
A Aduh B Wah C Ah D Syabas

9. _____, ambillah wang gaji kamu untuk bulan ini!
A Eh B Nah C Wah D Amboi

10. _____ peserta diminta menunggu giliran mereka dengan sabar.
A Kelima B Para C Seluruh D Separuh

11. Nurhaliza belum pasti _____ akan pergi _____ tidak ke majlis hari jadi sepupunya.
A sama ada--- atau B daripada---lebih baik C sungguhpun---namun D bukan sahaja--- lebih baik

12. Jalan di Banda Raya Kuala Lumpur menjadi _____ apabila menjelang Hari Raya Aidilfitri.
A lengang B senyap C muram D lega

13. Kereta ayah _____ oleh sebuah kereta tunda kerana mengalami kerosakan di tengah jalan.
A diheret B ditolak C disorong D ditunda

14. Kami _____ sewaktu pulang dari sekolah.
A kebasahan B kehujanan C kepanasan D kecelakaan

15. Ahmad sedang membaiki _____ roda basikalnya yang telah patah.
A jejentik B jejari C pepohon D Bebola

16. Budaya _____ semakin kurang diamalkan oleh masyarakat hari ini kerana sibuk dengan kerjaya masing-masing.
A kunjung-mengunjungi B masak-memasak C datang-mendatang D kata-mengata

17. “Sila lekatkan setem _____ sebelah kanan sampul surat awak,” kata posmen kepada budak itu.
A di B atas C pada D ke

18. _____ Bunga Kenanga terselit pada sanggul Sofia.
A Sejambak B Sekuntum C Sejambangan D Sebatang

19. Se _____ kata pun tidak tertulis walaupun sudah dua jam dia menghadap meja tulisnya.
A patah B potong C cebis D untai

20. Warna kain itu _____ setelah dicuci dengan cecair peluntur.
A cerah B pudar C rata D bersih

21. Matahari akan _____ dari sebelah timur pada setiap hari.
A keluar B tampil C tenggelam D terbit

22. Mak Tina _____ beberapa biji kuih pau untuk hidangan minum petang.
A mengukus B merebus C menanak D menjerang

23. Tukang kayu itu sedang _____ gergaji yang tumpul.
A mengasah B mengikir C mengukus D mengundi

24. Kapal terbang dari Thailand akan _____ di Lapangan Terbang Pulau Pinang pada pukul 4.00 petang.
A menurun B menaik C menolak D mendarat

25. Ibu sedang _____ kelapa untuk mendapatkan santannya.
 A memicit B melenyek C memerah D meringkuk
26. Ibu bapa perlu _____ anak-anak supaya berjaya dalam hidup.
 A memandu B menjaga C membimbing D mengacau
27. Puan Riza mengalirkan _____ apabila mengenangkan suaminya yang sudah meninggal dunia.
 A biji mata B mata air C air mata D air jernih
28. Penyakit berjangkit itu dikenal pasti mudah _____ terutamanya melalui air dan udara yang tercemar.
 A membiak B menyerang C meluas D merebak
29. Sepasang mempelai sedang _____ di atas pelamin.
 A bersaing B bermain C berlatih D bersanding
30. Menurut _____ orang Cina, warna merah membawa tuah.
 A keistimewaan B kepakaran C kepercayaan D keturunan
31. Persidangan ekonomi itu _____ selama seminggu.
 A berjalan B berlaku C bergerak D berlangsung
32. Polis membuat _____ rapi terhadap para penonton yang masuk ke stadium itu.
 A peperiksaan B pemeriksaan C pemerhatian D penelitian
33. "Tolong _____ rumah saya mengikut pelan yang telah diberikan," kata Encik Tan kepada tukang rumah itu.
 A ubah suai B tunjuk ajar C ambil alih D ulang kaji
34. Ramal rajin mengulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan yang akan datang kerana dia sedar _____.
 A melentur buluh biarlah dari rebungnya
 B kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
 C meludah ke langit akhirnya terkena muka sendiri
 D malu bertanya sesat jalan, segan berkayuh perahu hanyut

SOALAN 35 HINGGA SOALAN 37

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah.. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

35. Setengah orang berpendapat bahawa nilai murni perlu dipupuk dalam jiwa anak-anak. Tiada kesalahan
 A B C D
36. Para-para guru sedang berkumpul di bilik mesyuarat untuk menunggu kedatangan pengetua. Tiada kesalahan
 A B C D
37. Kedua anak Encik Lim berjaya menjawat jawatan tinggi dalam sektor swasta. Tiada kesalahan
 A B C D

SOALAN 38 HINGGA SOALAN 40

*Sebahagian daripada ayat yang dicetak tebal mungkin mengandungi **kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Jika anda menganggap penggunaan bahasa pada bahagian yang dicetak tebal itu salah dan perlu diubah, tandakan A, B, atau C dan jika **tiada kesalahan**, tandakan D.*

38. Pistol ayah yang tersimpan di dalam almari masih mengandungi **empat buah peluru**.
 A empat butir peluru B empat das peluru
 C empat pucuk peluru D empat buah peluru
39. Lajis **amat girang sekali** setelah bertemu dengan adik kandungnya semula.
 A paling girang sekali B tergirang sekali
 C amat girang benar D amat girang sekali

BAHAGIAN B SOALAN SUBJEKTIF (20%)

Arahan : Tulis jawapan anda pada kertas jawapan khas yang telah disediakan

(A) Simpulan Bahasa (10%)

Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang paling sesuai.

ambil angin	buah tangan	hancur hati	ambil berat
hati emas	ikat perut	potong leher	buah hati

1. Puan Lim _____ apabila anak bongsunya bersikap kasar dan menderhakainya.
 2. Setiap bulan Pak Su terpaksa _____ kerana gajinya tidak seberapa.
 3. Heng Huat yang _____ itu telah mendapat pujian daripada ibu bapa dan jiran tetangganya.
 4. Setiap kali selesai makan malam, kakak dan adik _____ di taman bunga.
 5. Encik Lee mendapat keuntungan yang banyak kerana dia selalu _____ pelanggannya dengan menaikkan harga ikan di gerainya.

(B) Membina Ayat (10%)

Tulis satu ayat bagi setiap kata berimbahan ‘ber’ di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

1. berjalan
 2. berbaju
 3. bersarapan
 4. berlari
 5. berbau